

Hutan Simpan Ulu Gombak jadi tapak buangan sampah barang farmaseutikal

Lupus ubat-ubatan ikut suka hati

GOMBAK — Penemuan ribuan kotak berisi ubat-ubatan yang sudah tamat tarikh luput bertaburan di kawasan Hutan Simpan Ulu Gombak di jalan lama Gombak-Bentong di sini mencetuskan pelbagai tanda tanya.

Siapakah yang tergamak melakukan perbuatan tersebut? Kenapa ubat-ubatan itu dibuang begitu saja dan adakah itu cara yang betul untuk melupuskan bahan buangan farmaseutikal di negara ini?

Tinjauan *Kosmo!* di kawasan tersebut semalam menemui banyak kotak berisi pelbagai jenis ubat yang sudah tamat tarikh luput. Ia bersepadu dengan tepi jalan dan di dalam kawasan hutan simpan tersebut.

Hasil pencarian *Kosmo!* berjaya menemui beberapa Jenama ubat, antaranya Amcardia yang lazimnya digunakan untuk rawatan penyakit darah tinggi dan ubat Resicalm bagi merawat pesakit mental.

Kebanyakan paket ubat itu masih berada di dalam kotak dan kelihatan masih elok. Kotak-kotak ubat itu pula dibungkus menggunakan beg plastik berwarna hitam. Namun, sebahagian besar kotak ubat bertaburan di atas tanah diperdayai akibat aktiviti haiwan hutan.

Pelupusan tanpa prosedur ubat-ubatan mengandungi bahan kimia itu sudah pasti boleh mengakibatkan pencemaran kepada sungai

di situ kerana tempat pelupusan itu hanya terletak kira-kira 100 meter dari sebatang anak sungai.

Berdasarkan pemerhatian wartawan *Kosmo!*, kebanyakannya ubat tersebut dipercayai dibuang di kawasan tersebut sekitar awal tahun ini kerana tarikh luput ubat-ubatan tersebut ialah pada Oktober 2014. Kawasan itu terletak 26 kilometer dari Kuala Lumpur.

Seorang penduduk Kampung Orang Asli Batu Gombak, Nizam Hamid, 37, berkata, kawasan pinggir Hutan Simpan Ulu Gombak telah lama menjadi tempat buangan ubat-ubatan dan sampah.

Menurutnya, ubat-ubatan yang sudah tamat tarikh luput itu dibuang pada waktu malam menggunakan lori bagi mengelakkannya diketahui oleh penduduk tempatan dan pengguna jalan raya di situ.

"Bukan ubat saja yang dibuang di sini, malah hutan ini turut dijadikan tong sampah bagi bahan buangan binaan, mentol-mentol lampu serta lampin pakai buang bayi."

NIZAM HAMID

Batu 8 Gombak, Mohd. Yusuf Kamarruddin, 30, pula berkata, timbunan sampah-sarap di tepi jalan di kawasan hutan tersebut merupakan permandangan biasa.

Katanya, gejala itu terjadi berikut sikap tidak acuh pihak berkuasa yang tidak memantau kawasan pembuangan sampah sehingga pihak luar berani membuang apa-apa sahaja barang yang tidak diperlukan tanpa rasa takut.

Sementara itu, Pakar Forensik Alam Sekitar Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata, buangan farmaseutikal kebiasaannya mengandungi bahan kimia dan dadah berbahaya.

"Apa yang saya bimbangkan ialah ubat-ubatan itu mengandungi bahan kimia berbahaya. Jika hujan larutannya akan mengalir ke dalam sungai dan mencemarkan air di situ," katanya ketika ditemui di kampung itu semalam.

Seorang lagi penduduk di

Laporan Khas



HAFIZAN



NIZAM



YUSUF



UBAT-UBATAN bercampur sampah-sarap yang dibuang di tepi jalan lama Gombak-Bentong.



SEBAHAGIAN ubat-ubatan yang ditemui di pinggir jalan.

FOTO: FAISOL MUSTAFA

Peta Lokasi: Pembuangan Ubat



INFO Pelupusan Ubat

- Sebelum dilupuskan, label-label pada setiap ubat perlu dibuang demi melindungi maklumat sulit berkaitan kesihatan pesakit.

- Elakkan mengepam sisa ubatan ke dalam tandas

- Sisa ubat-ubatan yang sudah luput tarikh boleh diberikan ke jabatan-jabatan farmasi di hospital dan klinik kerajaan untuk dilupuskan melalui kaedah incinerator atau dibakar pada suhu 1,100 darjah Celcius